

Tanah Air dan Rantau Berpisah Tiada: Merantau sebagai Kategori Sosiologi

*Tanah Air and Rantau Intertwined:
Merantau as a Category in Sociology*

AHMAD MURAD MERICAN

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan menampilkan rantau dan merantau sebagai satu kategori sosiologi. Ia menegaskan keperluan mempertimbangkan semula istilah dan maksud tersebut yang lazimnya digagaskan dalam konteks sebagai korpus adat dan budaya. Dalam pada itu, makalah ini mengemukakan tesis bahawa rantau dan merantau dikait dan dijalin dengan konsep Tanah Air sebagai gagasan dan realiti geografi. Rantau dan merantau adalah tonggak tanah air. Di sinilah tersimpan memori kolektif sebuah tamadun di Kepulauan Melayu. Ini menjurus kepada pentakrifan semula maksud tamadun yang salam ini diukur dari sejarah kebenuaan. Jika seseorang itu mahu mencari tamadun Melayu, jawapan terletak kepada realiti tanah air. Dengan itu makalah ini mengemukakan satu perspektif maritim dalam mengenali tamadun dan ketamadunan. Ia menggunakan gagasan Ibnu Khaldun dan Fernand Braudel. Dari Khaldun makalah ini menggunakan analogi padang pasir, dari Braudel ia menggunakan analogi laut dan kepulauan. Dalam memahami peradaban Melayu, wajar wujud satu kesedaran mengenai ruang kelautan. Dan perspektif ini membolehkan kita memahami interaksi dinami kelautan dan masyarakat kelautan. Dari segi epistemologi, pendekatan ini dalam mengimbangi kefahaman peradaban kebenuaan yang telah menjajah kesarjanaan kita selama ini.

Kata kunci: Rantau; Merantau; Tanah Air; Kepulauan Melayu; Sosiologi

ABSTRACT

This article attempts to present 'rantau' (region) and 'merantau' (there is no exact translation, but it would roughly mean migration) as a category in the study of Sociology. It emphasizes the need to re assess the concept and its meaning which is conventional used in the context within the corpus of 'adat' and 'budaya' (ritual and culture). This article proposes for the intertwining concepts of rantau/merantau to Tanah Air, where Tanah Air (homeland) is conceived as a geographical, historical and a cultural reality; and not a figment of the nationalist imagination. Rantau and merantau is the pillar of Tanah Air. Herein lies the collective memory of civilization in the Malay Archipelago. This leads to the redefinition of the meaning of civilization that has been measured from the continental history and perspective. Queries on Malay civilization informs us on the reality of the Tanah Air. Hence this article argues for a maritime perspective on civilization. It uses the assumption of Ibn Khaldun and Fernand Braudel - the former analogizes the desert as the reservoir of Arab civilization while the latter theorizes on movements and advancements enabled by the seas within the archipelago. This article then implies the seas as reservoir of Malay maritime civilization. It argues that comprehending Malay civilization needs a consciousness of oceanic space - the dynamics of the ocean in the formation of maritime societies and civilizations. Epistemologically this perspective compliments the concept of a continental civilization that has since colonized scholarship.

Keyword: Rantau; Merantau; Tanah Air; Malay Archipelago; Sociology

PENGENALAN

Esei ini menawarkan satu hujah menjalinkan merantau sebagai satu kategori sosial dalam bidang sains sosial dengan mentakrif idea Tanah Air bukan sebagai satu pandangan tetapi sebagai satu entiti sejarah, geografi dan kedaulatan budaya dan politik. Hujah ini menggunakan gagasan maritim dalam memahami peradaban Melayu. Wacana peradaban maritim hendaklah dibezakan daripada peradaban tanah besar/darat. Ia perlu dilihat sebagai satu kategori tersendiri, berasingan daripada pemikiran arus perdana mengenai peradaban. Pendekatan ini bertujuan memahami semula maksud peradaban dalam pandangan sarwa Melayu dengan berpaksikan kepada merantau sebagai suatu institusi dan amalan dalam pemikiran mereka yang menghuni kawasan geografi Kepulauan Melayu. Inilah alam Tanah Air yang terpancar dalam ingatan, budaya dan sejarah.¹ Dalam wacana mengenai peradaban, kita biasanya merujuk kepada tradisi ketamadunan tanah besar atau kebenuaan² dalam pengukuran mengenai pencapaian hikmah, pemikiran, budaya, pemerintahan, kesenian dan kebendaan. Itu menjadi kriteria utama. Secara tidak sedar, kita mengungkap konsep arus perdana dalam sains sosial dalam memperkatakan mengenai pembangunan, pergerakan serta perluasan kawasan dan rantau petempatan manusia dalam sejarah. Gambaran peradaban biasanya membawa imej Parthenon, pyramid Mesir dan Tembok Besar China. Itulah peradaban yang terpapar dalam persekitaran pendidikan, wacana awam dan kefahaman popular dunia, termasuk dalam kalangan orang Melayu.

Artifak dan monumen seperti itu tidak ada dalam suasana geografi dan sejarah Kepulauan Melayu – kecuali yang dilihat pada Candi Borobudur dan Prambanan di Jawa Tengah. dan mungkin candi-candi Buddha di Muara Takus di Kampar, provinsi Riau; serta juga beberapa peninggalan keagamaan, sosial dan industri di Lembah Bujang dan Sungai Tua di Kedah.³ Kepulauan Melayu dari selatan Burma, utara Semenanjung ke Luzon di Kepulauan Filipina, (ada yang mungkin ingin memasukan Taiwan) tidak menunjukkan peninggalan monumen yang hebat tersergam dan megah.

Vladimir Braginsky (2004) dalam membuka bicaranya mengenai warisan kesusasteraan tradisi Melayu dalam *The Heritage of Traditional Malay Literature: A Historical survey of Genres, Writings and Literary Views* menyatakan kesusasteraan, atau pekerjaan kalam adalah bahagian yang amat bernilai dalam warisan budaya orang-orang Melayu yang menghuni di Semenanjung Tanah Melayu, Timur Sumatra, dan beberapa kawasan di Kalimantan, serta lain-lain pulau d Kepulauan Melayu (h.1).

Bukti-bukti terawal kesusasteraan Melayu ini dikekalkan melalui inskripsi pada batu dengan aksara yang berasal dari selatan India. Karya-karya lain ialah menurutnya terkandung dalam kira-kira 8,000 ke 10,000 manuskrip dalam huruf Jawi.⁴ Braginsky kemudian membandingkan pencapaian Melayu itu dengan “jiran Jawanya” (Javanese neighbours) melalui monumen senibina dan arca yang hebat. Kepada orang-orang Melayu, kesusasteraanlah adalah tonggak tradisi budaya. Jika kemuncak kebudayaan Jawa menampilkan candi sebagai paparan

¹ Bagi tujuan ini saya telah mula menganjur satu inisiatif yang dikenali sebagai Tanah Air: Project Peradaban Maritim Melayu [Tanah Air: The Malay Maritime Civilization Project], di bawah Unit Tamadun Melayu-Islam, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Program utama projek tersebut ialah siri syarahan bulanan bermula dari Ogos 2021 hingga bulan Disember 2022. Antara matlamat projek tersebut ialah meneruskan satu kesedaran untuk wacana dan dialog mengenai peradaban Melayu; serta menilai semula takrif peradaban Melayu dengan menjalinkannya sebagai peradaban maritim dalam persekitaran Tanah Air.

² Juga boleh diperhatikan pada masyarakat/budaya/tamadun ‘land-locked’ seperti di beberapa kawasan dari Mongolia ke timur Eropah dan utara India.

³ Lihat Mohd Supian Sabtu (2002). *Tamadun Asal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Mokhtar Saidin (2011). *Dari Zaman Batu ke Tamadun Awal di Malaysia: Pemeraksanaan Jati Diri Bangsa*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia; dan Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun, Suresh Narayanan (2024). *Kedah Tua: Sejarah, Arkeologi & Naratif Baharu*. Pulau Pinang: USM Press.

⁴ Ada pihak yang menganggarkan lebih dari 20,000.

kosmologi yang dianggap sebagai kesusasteraan itu sendiri, kebudayaan Melayu menganggap seluruh alam ini sebagai buku, kesusasteraan dan pekerjaan kalam.

Esei ini mendekati peradaban Rumpun Melayu dari sudut maritim, dipandu oleh makna Tanah Air dari amalan merantau itu. Jika Ibn Khaldun menyatakan bahawa takungan peradaban Arab adalah padang pasir, takungan peradaban Rumpun Melayu adalah Tanah dan Air. Naratif dari Rumpun Melayu telah terpesong dengan menganggap konsep dan amalan peradaban itu lahir dari tanah besar. Pemikiran yang menanggap Rumpun Melayu sebagai budaya sisa dari tradisi besar India dan China masih lagi berlegar dalam pemikiran kita. Hujah yang diberi ialah jika sesebuah masyarakat itu merupakan sisa dari tradisi dan peradaban yang lebih besar, maka masyarakat itu tidak boleh maju tidak boleh berubah, perkembangannya terbantut.⁵ Inilah wacana yang dibawa oleh Wang Gungwu dalam membicarakan mengenai sejarah dan peradaban dunia. Penghuni di rantau Asia Tenggara (merujuk kepada Kepulauan Melayu) katanya tidak ada peradaban, tidak boleh berkembang akibat daripada kedudukan geografi yang membentuk budaya dan sejarah. Pandangan itu amat berpengaruh, sehinggakan ia telah memberi dampak kepada kesarjanaan kita. Pada satu ketika dahulu, dan juga di kalangan sesetengah pihak kini, pengaruh kesarjanaan ini telah menggugat keyakinan pribumi Melayu akan naratifnya sendiri.

PERSPEKTIF IBN KHALDUN DAN FERNAND BRAUDEL: RUJUKAN PADA PERADABAN MELAYU

Saya menggunakan tesis persekitaran yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqadimmah*nya. Ibn Khaldun banyak membicarakan mengenai iklim dan bagaimana persekitaran fizikal itu mencorak masyarakat manusia. Selain dari wajah manusia, iklim juga mencorak pemakanan, interaksi, sikap sesuatu kumpulan manusia dan bangsa.⁶ Persekitaran juga merujuk kepada keadaan struktur seperti kuasa, pentadbiran, peraturan, kebebasan, dan kedaulatan. Kritikal di sini kepercayaan antara satu sama lain. Inilah tradisi dalam peradaban manusia. Inilah yang dapat kita lihat dalam pembentukan sifat dan peribadi. Bagi Rumpun Melayu, kita kaitkan dengan peribadi Tanah Air.

Kita boleh mendekati Melayu dengan memahami pengaruh iklim dan persekitaran. Manusia terus perlu berinteraksi dan berurusan dengan alam persekitarannya. Lebih dari itu, manusia akan terpaksa mengadaptasi apa juga jenis persekitaran yang tidak mampu diubahnya. Manusia yang hidup di padang pasir memiliki sifat peribadi yang kasar dan keras. Ini adalah sifat peribadi menurut implikasi mana-mana jenis iklim di dunia. Hal ini diketengahkan oleh Ibn Khaldun. Ada yang melihatnya sebagai psikologi persekitaran. (Lihat Haslinda Hj Abdullah dan Zaid Ahmad, 2009).

Kerangka ini memperlihatkan bagaimana persekitaran mempengaruhi tingkah laku manusia. Dalam *Muqadimmah*, Ibn Khaldun menceritakan bagaimana idea itu diperolehi hasil dari pengalaman beliau sepanjang perantauannya di Afrika Utara. Beliau bukan sahaja menyentuh mengenai akhlak dan tingkah laku manusia yang banyak dipengaruhi iklim, malah turut mengenegahkan pandangan mengenai pengaruh terhadap warna kulit, kehidupan manusia, dan rupa petempatannya. Sebagai contoh ialah rekabentuk bangunan. Ini mengambil kira iklim dan

⁵ Lihat hujah dan sentimen Wang Gungwu dalam Ooi Kee Beng. 2015. *The Eurasian Core and its Edges: Dialogues with Wang Gungwu on the History of the World*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

⁶ Marko, Pišev 2019. "Anthropological Aspects of Ibn Khaldun's *Muqadimmah*: A Critical Examination", dalam *Bérose - Encyclopédie internationale des histoires de l'anthropologie*, Paris.

cuaca setempat. Rupa bentuk bangunan di padang pasir dan gurun berbeza dengan yang ada di iklim tropika dan hutan khatulistiwa.

Satu lagi kerangka ialah menggunakan tesis Fernand Braudel (1995). Ia seringkali disebut sebagai “analogi Mediterranean.” Ini berdasarkan kepada imaginasi kepulauan Melayu sebagai satu rantau berdasarkan kepada laut Mediterranean. Rantau yang dipanggil sebagai Asia Tenggara oleh sarjana Barat seperti George Coedes, dan Oliver Wolters merujuk kepada kawasan perairan Asia Tenggara yang dibendung Laut China Selatan, Teluk Siam dan Laut Jawa sebagai “sebenarnya rantau Mediterranean” (Acharya, 2012: 79) dan dengan itu boleh dilihat sebagai faktor penyatuan manusia di rantau tersebut. Ada yang merintis idea “Asian Mediterranean” (Mediterranean Asia). Dalam prakata buku dua jilidnya *Southeast Asia in the Age of Commerce*, sejarawan Anthony Reid (1988), mengakui kerangka yang dibawa oleh Braudel itu. Braudel telah memperkenalkan pendekatan pelbagai disiplin dalam memperlihatkan “ketentuan kolektif” sesuatu rantau itu. Mereka melihat persamaan antara Asia Tenggara dan peradaban di rantau Mediterranean berupaya memaklumkan mengenai identiti manusia yang menghuni rantau itu sebelah sini. Satu kritikan terhadap model Mediterranean ini ialah ia membandingkan dua kawasan geografi dari satu perspektif kerana senario dan sifatnya amat berbeza. Apakah kita juga melihat satu kesatuan peradaban di laut Mediterranean?

Saya merujuk sebahagian dari model Mediterranean dalam esei ini sebagai alat analisis membatasi model negara bangsa. Malah, kewujudan model boleh mengabsahkan perspektif dalaman untuk mengandaikan kewujudan satu kesatuan sejarah dan geografi Kepulauan Melayu. Kemunculan penjajahan Eropah telah menyahkan kesedaran kesatuan Kepulauan Melayu. Memori tentang Tanah Air dilupakan. Tanah dan Air telah terpisah.⁷ Penjajahan telah mengendalakan pengendalian, perjalanan dan perhubungan sistem kerajaan di Tanah Air. Ia telah memecahkan rangkaian perhubungan perdagangan. Malah, perluasan dan imperialisme Eropah telah menghapuskan kedaulatan politi maritim, dan dengan itu peradaban Tanah Air. Era Vasco da Gama yang bermula pada tahun 1498 menyaksikan Portugis “merempuh” masuk ke perairan Lautan Hindi dari pintu belakang menandakan kehancuran peradaban Kepulauan Melayu, serta sistem masyarakat, budaya dan rangkaian ekonomi masyarakat pesisir pantai dari timur Afrika, sepanjang benua kecil India, ke perairan rantau ini. Hubungan Tanah Air dengan seluruh dunia terhenti.

Sistem tradisi maritim Tanah Air dihancurkan, terutama sekali antara 1660an ke pertengahan abad ke 19. Pendudukan Sepanyol di Filipina misalnya memperlihatkan persaingan dengan kuasa-kuasa Eropah yang lain seperti Belanda dan Portugis. Kemunculan Portugis dari Lautan Hindi dan Sepanyol dari Lautan Pasifik telah memutuskan perhubungan orang Melayu dari Kepulauan ini dengan dunia luar. Tanah diteruskan terpisah dari air apabila negara-negara penjajah membawa dan memperluaskan konflik mereka dari medan peperangan di Eropah ke rantau Tanah Air. Keadaan ini telah mengakibatkan ketidak seimbangan (disequilibrium) dalam peraturan Tanah Air. Malah, kehancuran peradaban Tanah Air ini adalah sebahagian dari sejarah penjajah dan penjajahan. Konsep kewilayahan tiba-tiba berubah. Tanah Air akhirnya hanya membawa maksud ruang tanah dan tanpa berkait dengan ruang air.

Sempadan dan persempadanan dipaksakan ke atas penghuni rantau tersebut. Sempadan ‘nasional’ digariskan tanpa mengambil kira bangsa dan kebangsaan. Apa yang berlaku ialah rantau Tanah Air ini diheret ke kancah perhubungan antarabangsa Eropah abad ke 17 dan ke 18. Pembahagian sempadan ialah bagi mengelak perselisihan dan pertembungan di kalangan negara-

⁷ Lihat Farish Noor (2021). *When Tanah was Divorced from Air: The Loss of Maritime Sovereignty in Southeast Asia as a Result of European Expansionism in the 19th century*. Syarahan Tanah Air: The Malay Maritime Civilizational Project, 29 Disember.

negara Eropah. Tanah dan Air dipisahkan atas kepentingan Eropah dalam memudahkan pemerintahan masing-masing dalam sesuatu kawasan geografi (Acharya, h. 81).

Namun batasan wilayah tidak selari dengan sifat etnik, dan keadaan sosial, ekonomi dan politik yang sedang wujud pada masa itu. Ia lazimnya dibentuk bagi melindungi kepentingan politik, ekonomi dan pentadbiran negara Eropah masing-masing. Ini telah menghasilkan apa yang disebut sebagai ‘masyarakat majmuk’ (plural society), dalam sebuah negara bangsa di mana satu unit politik dihuni oleh pelbagai kumpulan bangsa dan etnik; atau sebuah kumpulan etnik itu dipisahkan menjadi penghuni di pelbagai buah negara.

RUANG DAN PERSPEKTIF TANAH AIR

‘Tanah Air’ membawa pelbagai pengertian dari epistemologi, linguistik, identiti dan politik. Ia merupakan simbol yang berpengaruh lalu membawa maksud yang mendalam. Tanah Air menjurus kepada satu tempat asal usul, ruang kita bermastautin. Ia membawa kepada idea dan kepercayaan pemilikan (tanah dan air). Melayu bukan hanya memiliki ruang tanah, tetapi juga ruang laut dan kelautan. Tanah Air adalah satu idea yang amat hebat dan berpengaruh dalam sejarah dunia.

Dan sudah tentu sekali sejarah rumpun Melayu. Ia merujuk kepada bagaimana kita mencerap dan memahami dunia sekeliling kita – saluran air, sungai, selat dan laut, Sebelum kemunculan penjajah Barat, rumpun Melayu melihat dirinya sebagai satu masyarakat bangsa yang hidup dalam suasana di mana tanah besar dihubungkan dengan laut. Laut bukanlah sempadan atau halangan. Laut dan lautan bukan elemen pemisah. Laut adalah penghubung yang mempertemukan manusia, budaya, bahasa, kepercayaan, idea dan identiti. Laut adalah ruang epistemologi, kepercayaan dan amalan. Sebelum apa yang disebut sebagai kemunculan negara bangsa Westphalia, politi dipusatkan di bandar dengan ketiadaan sempadan yang tetap. Mungkin pepatah Melayu seluas “sejauh mata memandang. Malah “sejauh mata memandang” ini juga membentuk politi di sepanjang semenanjung Tanah Melayu. Di beberapa sudut dari Selat Melaka, atau dari muara sungai yang bertemu dengan Selat Melaka, kita dapat lihat Banjaran Titiwangsa. Dan banjaran itu lah menjadi tanda penentuan sempadan negeri-negeri Melayu.

Ini juga dapat dilihat dalam budaya merantau, yang amat khusus dalam memori kolektif rumpun Melayu di seluruh Kepulauan Melayu. Merantau adalah mengharungi ke wilayah yang dikenali, membuktikan keakraban tanah dan air, yang kemudiaannya dipisahkan (buat selamalamanya?) oleh kehidupan, budaya dan peradaban yang berpaksikan kepada tanah. Budaya maritim dipadamkan. Orientasi Tanah Air telah hilang ditelan kuasa penjajah. Dan dengan itu hilanglah budaya laut dan kelautan, dan pandangan sarwa rumpun Melayu. Dalam kehidupan Melayu, laut bukanlah medan berperang. Budaya itu dibawa ke rantau ini oleh penjajah Eropah. Pertembungan Portugis dan Belanda dengan rumpun Melayu ialah pertembungan maritim, bukan pertembungan darat.

Dalam memahami peradaban Melayu, kita mesti membentuk kesedaran mengenai ruang kelautan. Perspektif kelautan dapat membolehkan kita memahami interaksi dinamik kelautan dan masyarakat kelautan. Leonard Andaya (2021) percaya perspektif ini dapat membolehkan kita pentafsir masa silam dalam mengimbangi kefahaman mengenai tanah besar. Beliau menggunakan istilah ‘ocean space’ (ruang kelautan).

Idea kelautan global telah mencetuskan keputusan Gereja di Rom untuk membahagikan dunia antara raja-raja Katolik Portugal dan Sepanyol melalui Pertanjian Tordesillas (1494) dan Perjanjian Saragossa (1529). Pada masa itu puak Protestant menolak keputusan tersebut dengan

mengekalkan konsep mereka sendiri mengenai lautan ‘tertutup’ dan ‘terbuka.’ Namun, matlamat Eropah ialah mengawal ruang-ruang penghubung ini dalam mengembangkan ekonomi merkantilisme. Mereka kemudian menggubal undang-undang antarabangsa dengan tidak mengendahkan konsep dan kefahaman peradaban dan budaya bukan Eropah. Mereka tidak pedulikan faktor persekitaran budaya dan peradaban lain.

Dan persekitaran itulah yang terpahat sebagai Tanah Air – satu kesinambungan tanah dan air. Persekitaran Rumpun Melayu, sama dengan penghuni di Lautan Pasifik, melihat persekitaran mereka dari tadahan air, anak sungai di hilir yang berasal dari tanah tinggi di pedalaman, ke sungai, ke muara dan akhirnya ke laut. Sungai dilihat sebagai satu cabang laut – yang bertali arus dari laut. Sebagai contoh fahaman ini dipegang oleh masyarakat Minangkabau. Kepada orang-orang Minangkabau, saluran komunikasi yang paling penting bermula dari tadahan air di pedalaman pergunungan dari Banjaran Barisan, mengalir ke bawah sebagai anak sungai dan sungai di pesisir kepada petempatan/pelabuhan yang berhubungan dengan dunia luar. Kewujudan hubungan emosi kepada idea Tanah Air berkait dengan idea bangsa.

Laut dalam fahaman Tanah Air merupakan faktor perdagangan, rangkaian kehidupan dan jendela kepada dunia luar. Imej-imej kapal dan pelayaran digunakan di kalangan manusia di Kepulauan Melayu sebagai simbol kerohanian dan ketuhanan. Tanah Air boleh ditafsirkan sebagai simbol yang merentasi satu entiti kepada pelbagai entiti yang lain. Satu alam yang merentasi kehidupan, di mana simbol kapal digunakannya sebagai penghubung (Braginsky 1975). Dalam fahaman Tanah Air, laut bukan hanya berfungsi sebagai latarbelakang kepada aktiviti di daratan, tetapi juga air sebagai elemen kehidupan dan interaksi manusia. Andaya mencadangkan ruang laut dapat mencetus pemikiran semula sempadan lama dan penciptaan sempada yang baharu.

Perlu kita maklum bahawa konsep Tanah Air ini bukan hanya difahami dan digunakan oleh rumpun Melayu, tetapi juga dalam psyche ‘orang Vietnam.’ Inilah yang diceritakan dalam Andaya, (2021). Sejarahwan Vietnam amat aktif memberi perhatian kepada sejarah Asia Tenggara dari perspektif laut. Andaya memetik catatan Le Quy Don tahun 1776 yang membicarakan mengenai “land” dan “sea-scape” yang menampakkan persamaan dengan masyarakat Melayu dan Polinesia dari segi kesinambungan darat/tanah dan air.⁸ Imej pengaliran air yang ada pada catatannya itu sama dengan wilayah Minangkabau di Banjaran Barisan di Sumatera. Faktor geografi Vietnam ada persamaan dengan Sumatera dari segi deretan banjaran dan darat menghala ke laut. Sama juga seperti yang kita lihat di semenanjung dari Melaka ke Perak; atau di tanah tinggi di Sarawak yang menyaksikan sungai-sungai mengalir ke Laut China Selatan. Banyak lagi contoh yang menunjukan batas air dan rentasan air. Malah Tanah Air menakung persamaan identiti, budaya dan ekonomi. Ia adalah *lingua franca* rantau Kepulauan Melayu.

Andaya dalam menganalisis seterusnya konsep Tanah Air, mengentpasti apa yang disebutnya sebagai Negara Selat, yang membawahkan maksud khusus istilah ‘laut’ di Kepulauan Melayu dari abad-abad awal hampir 2000 tahun lalu sehingga separuh pertama abad ke 19. Ini merujuk kepada sumber-sumber Melayu sendiri seperti dalam sastera historiografi *Sejarah Melayu*. Istilah ‘Laut’ itu digunakan untuk maksud ruang maritim.

⁸ Apakah ini sebenarnya merujuk kepada orang Cham, dari kelompok Melayu-Austronesia yang bermastautin di Vietnam pada satu masa dulu? Hypotesis saya ialah psyche jalinan ‘laut’ dan ‘kelautan’ dalam gagasan budaya dan amalan merantau ini terpahat dalam ‘DNA’ Rumpun Melayu. Dan Orang Cham merupakan salah satu suku dalam Rumpun Melayu yang bergerak merantau di Kepulauan Melayu.

MERANTAU DALAM KAJIAN MOKHTAR NAIM

Selain dari menelusuri penelitian Mokhtar Naim mengenai fenomena merantau, ia juga akan membetulkan beberapa takrif dan kefahaman yang tersasar dalam merujuk kepada Alam Melayu. Bermula dari sebuah tesis bertajuk *Merantau: Minangkabau Voluntary Migration* yang disampaikan kepada Jabatan Sosiologi, Universiti Singapura pada tahun 1973, naskah beliau telah seterusnya diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia. Edisi pertama (1979) dan Edisi Kedua (1984) diterbitkan oleh Gajah Mada University Press; manakala edisi ketiga yang ditambahkan satu lagi bab, Bab 8, diterbitkan pada tahun 2013 di Jakarta oleh PT Raja Grafindo Persada.

Tajuk edisi ketiga ialah *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Edisi ini juga terus menggunakan istilah migrasi. Walaupun merantau telah diamalkan sekian lama, kesedaran fenomenon tersebut agak baharu. Mokhtar memetik Taufik Abdullah sebagai mengakui walaupun tradisi merantau merupakan “ciri penting dari masyarakat Minangkabau,” belum pernah ada kajian, yakni sebelum usaha oleh Mokhtar tahun 1973. Pada awal lagi dalam buku beliau, Mokhtar merujuk merantau sebagai bersifat ekonomi.

Merantau juga mempunyai implikasi praktis bagi perkembangan sosial-ekonomi daerah ini. Pengaruh merantau terhadap kondisi ekonomi dan sosial Sumatra Barat sampai dewasa ini tampaknya bertambah besar, sebab yang merantau justeru kaum muda yang mempunyai potensi ekonomi dan potensi kerja lebih besar. Praktis seluruh cendekiawan terbaik, pedagang dan pengusaha yang paling berhasil, meninggalkan kampung mencari arena tantangan yang lebih membukakan banyak kemungkinan (Mokhtar, 2013, h,1-2).

Mokhtar melihat merantau sebagai gejala sosial yang berakar jauh dari dalam keseluruhan sistem sosial budaya dan masyarakat bersangkutan (2013: 2). Dan seterusnya Mokhtar memberi takrif “merantau.” Secara ringkasnya, merantau bererti migrasi. Yang juga tersasar dari makna dan kesedaran memori pelakunya, merantau merupakan jenis khusus “dari migrasi dengan konotasi budaya tersendiri yang tidak mudah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Barat mahupun.” “Merantau adalah istilah Melayu, Indonesia, dan Minangkabau yang sama erti dan pemakaiannya dengan akar kata “rantau.” Merantau merujuk kepada daerah pesisir. “Merantau” ialah kata kerja yang berawalan “me-“ yang bermaksud “pergi ke rantai.” (2013:2)

Beliau menggariskan maksud merantau dari sudut sosiologi yang menurutnya mengandungi enam unsur asas, seperti berikut:

1. meninggalkan kampung halaman;
2. dengan kemahuan sendiri;
3. untuk jangka waktu lama atau tidak;
4. dengan tujuan mencari penghidupan, menuntut ilmu atau mencari pengalaman;
5. biasanya dengan maksud kembali pulang; dan
6. merantau ialah lembaga sosial yang berbudaya (2013:3)

Kriteria pertama merujuk kepada Tanah Air. Mokhtar menjelaskan kriteria itu Mokhtar dengan memberi maksud “meninggalkan kampung halaman pergi merantau.” Pengertian ini menggambarkan ruang bergerak yang mentafsirkan pengertian “jarak” menurut perkembangan waktu. Mokhtar menyatakan “pada masa dulu” ketika tanah air orang Minangkabau masih terbatas pada Luhak yang tiga,⁹ pergi ke pantai timur atau ke pantai barat sudah dipandang “merantau.” Namun, sekalipun wilayah Minangkabau kemudian bertambah luas dan mencakup seluruh pantai

⁹ Merujuk kepada tanah/ranah asal Minangkabau, ia itu, Tanah Datar, Agam dan Lima Puluh Koto yang terletak di tanah tinggi Bukit Barisan.

barat dan bahagian timur Sumatera di bahagian tengah, istilah “merantau” tetap digunakan apabila orang pergi ke tempat yang disebutkan (2013:3-4). Perjalan ke tempat yang dekatpun masih disebut merantau, seperti dari Bukittinggi ke Padang. Namun dalam takrif tesisnya, beliau menggunakan merantau sebagai keadaan pemergian ke luar Sumatera Barat, yakni ke luar daerah budayanya. Merantau juga perlu unsur kemahuan diri (volition) (2013:5).

Mokhtar kemudiannya menggariskan beberapa perumpamaan dalam kegiatan merantau. Selain dari menyifatkannya sebagai mobiliti ekonomi dan sosial, beliau mengumpamakannya sebagai penyalur arus budaya; serta perlembagaan. Sebagai penyalur, atau transmisi budaya, diujahkan bahawa budaya tempat asal diperkuatkan oleh budaya baharu. Pada masa yang sama, perantau sedikit sebanyak bertindak sebagai penyalur budaya dari budaya asal sambil menyesuaikan diri dan berorientasi dengan budaya yang ada di rantau (2013:13-14). Walaupun rantau dan merantau wujud dalam memori kolektif Melayu di seluruh Kepulauan Melayu, terlihat dari konsep budaya dan linguistik Melayu di Malaysia, serta di Sumatera Timur, Kalimantan dan Sulawesi, tradisi merantau dilembagakan dalam sistem sosial Minangkabau. Merantau merupakan struktur dalam masyarakat dan kosmologi Minangkabau.

TANPA TANAH AIR, TIADALAH MERANTAU DAN PERANTAUAN ALAM MELAYU

Dalam bab tiga buku saya *Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang* (2015), saya menceritakan bagaimana alam Minangkabau telah mencorak alam Melayu melalui etos dan amalan merantau.¹⁰ Alam Minangkabau tidak hanya berlegar di kawasan geografi dan budaya apa yang disebut sebagai Ranah Minangkabau berpusat di tanah tinggi kawasan Sumatera tengah, Provinsi Sumatera Barat kini. Alam Minangkabau berkumandang di seluruh kepulauan Alam Melayu, serta di Semenanjung Tanah Melayu. Tanggapan hanya Negeri Sembilan di Malaysia mewarisi identiti dan budaya Minangkabau juga tidak tepat. Pada abad kurun ke 16, terdapat tiga perantauan besar yang berpencar dari Pagaruyung, Batu Sangkar. Mereka ialah Dato’ Godam, Raja Malewar dan Dato’ Jenaton sempena nama-nama yang diketahui umum sekarang ini di kalangan keturunan mereka. Ketiga-tiga mereka adalah dari keturunan Raja Alam Minangkabau ke 22, 1550-1616, yang berasal dan berpusat di Kampung Dalam, Gudam, Pagaruyung. Perjalanan mereka keluar dari Ranah Minangkabau menyelusuri laluan-laluan yang berbeza dalam merentasi sebelah timur Sumatera, melalui Selat Melaka. Apa yang signifikan dari perantauan ketiga-tiga individu itu ialah mereka mewakili tiga keluarga bersaudara keturunan raja Minangkabau. Dalam bentuk yang berbeza, keturunan mereka telah menempa nama di Malaysia (Semenanjung Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah) dan di Brunei.

Keturunan ketiga-tiga individu tersebut mempunyai leluhur yang jelas, lalu menjalin identity dan menyumbang kepada perjalanan sejarah kedua-dua negara tersebut. Alam Minangkabau yang diduduki oleh ketiga-tiga keturunan Raja Alam Minangkabau itu mencerminkan pengekalan kesedaran identiti hasil dari mengharungi darat dan laut. Perantauan mencorak dan dicorak oleh iklim dan ekspresi identiti di Alam Melayu. Ruang hubungan Minangkabau dengan negara-negara di Alam Melayu mesti ditafsirkan dalam konteks yang lebih luas, menjangkau adat pepatih. Konteksnya ialah Tanah Air.

¹⁰ Mula diungkapkan sebagai ucaptama yang telah dibentangkan di Seminar Antarabangsa Perantauan Sumatera-Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), 6-8 Jun 2012, Pulau Pinang]

Dalam istilah Minangkabau, “rantau” merujuk kepada “seberang” atau “keluar” – tempat atau wilayah di luar darek (darat – luhak nan tuo) di mana orang-orang Minangkabau bermastautin. Terdapat banyak sebab kenapa orang-orang Minangkabau merantau. Antraranya ialah untuk “membuka negeri,” dan peluang ekonomi dan berniaga. Fenomena merantau ini meluaskan identiti Minangkabau dengan merujuk dan raja-raja Minangkabau di Pagaruyung. Maka Kerajaan Pagaruyung itu melimpahkan aura, lalu merulakan sumber inspirasi dan motivasi kepada orang-orang Minangkabau yang merantau ke seluruh pelusuk Tanah Air. Pemikiran Tanah Air di sini bukan hanya berlatarkan tanah, tetapi air – sungai, laut, pelabuhan dan petempatan sebagai alat merantau. Merantau merentasi tanah dan air.

Identiti Melayu terjalin dengan Tanah Air. Wilayah rantau dianggap sebagai beridentitikan Melayu. Penduduk-penduduk di kawasan-kawasan di pantai timur Sumatera seperti Indragiri dan Siak menganggap diri mereka sebagai sebahagian dari “Tanah Minangkabau” sedangkan mereka beridentitikan Melayu. Hal ini dapat dilihat sebagai perbezaan antara darek (tanah) dan rantau.

Maka satu sejarah baru cetusan budaya dan amalan merantau perlu diusahakan, dimajukan dan dikekalkan demi kedudukan dan kepentingan mereka yang berkuasa. Ini bermaksud sama ada sejarah yang tersedia wujud dipinggirkan lalu dipadamkan. Maksudnya, apabila garisan-garisan sempadan diukir di kepulauan dan alam Melayu, persejarahan Melayu mula roboh – sehinggakan orang Melayu disebut sebagai ‘pendatang’ walhal perjalanan dan perantauan oleh kelompok-kelompok Melayu di persekitaran alam Melayu bukanlah merentasi alam lain. Penduduk alam Melayu sebenarnya berlayar ke ke hulu ke hilir, dengan menggunakan kecairan geografi di celah-celah gugusan ribuan pulau dengan perairan lautan dan sungai itu sebagai laluan dan bukannya sempadan. Dan dengan menggunakan laluan-laluan itu, seperti apa yang dimaksudkan oleh sejarawan Leonard Andaya (2008) sebagai “The Sea of Malayu” penduduk alam Melayu ini bertandang, merantau, berpindah-randah, berkampung – bukan sebagai pendatang, tetapi sebagai ahli keluarga besar ‘rumah’ alam Melayu.

Akan tetapi, Perjanjian Inggeris-Belanda 24 Mac 1824 itu telah menggariskan sempadan wilayah dalam alam Melayu, dan mungkin juga keseluruhan Asia Tenggara. Dari perspektif Barat dan Eropah, itulah permulaan dalam sejarah pembentukan negara bangsa di Asia Tenggara. Dalam erti perbincangan ini, ia memisahkan jurai kelompok yang sama sebagai politi yang berasingan. Walaupun kuasa penjajah Eropah menonjolkan politi-politi tersebut dalam peta mereka, pemikiran sedemikian tidak wujud pada penduduk yang bermastautin di politi-politi tersebut.

Dan keadaan ini menjurus kepada kesedaran kolektif kita juga. Sejarah mempengaruhi kesedaran kolektif kita, dan sebaliknya, kesedaran kolektif kita mempengaruhi sejarah. Apakah tahap kesedaran sejarah di kalangan para elit intelektual dan politik, serta rakyat di rantau ini? Apakah kesedaran itu merentasi sempadan-sempadan politik? Setiap warganegara adalah pengguna sejarah, sama ada kita inginkannya atau tidak. Sejarah bukan hanya apa yang telah terjadi, tetapi apa yang sedang dan apa yang akan terjadi.

MERANTAU DAN PEMPERIBUMIAN GEOGRAFI TANAH AIR

Idea atau pemikiran sebagai Rumpun Melayu tersebar ke segala pelusuk kepulauan Melayu. Ini dimungkinkan oleh amalan merantau. Apa yang jelas sekali dalam sejarah tersebarnya idea dan identiti Melayu bukan hanya dari abad ke-15 dan ke-16, seperti yang disebut oleh Mohd Aroff Ishak (2021) akibat aktiviti pelaut dan kelautan orang-orang Melayu pribumi di pulau-pulau di sini, di mana telah wujud ratusan pelabuhan-pelabuhan perdagangan dan yang terbesar dan termaju

dan paling terkenal antarabangsa adalah pelabuhan Melayu Melaka; malah lebih awal dari itu.¹¹ Identiti Melayu amat akrab dengan amalan merantau.

Identiti ‘Melayu’ sebagai satu masyarakat besar tersebar ke semua pulau-pulau di Asia Tenggara ini, walaupun kewujudan ‘Melayu’ khususnya di Semenanjung Tanah Melayu telah lama diketahui orang asing. Dan, bahasa Melayu Melaka mudah menjadi bahasa bersama (*lingua franca*) untuk berdagang, dan berhubung untuk umum dan juga diplomasi di rantau ini, termasuk di luar kepulauan Melayu. Pengamatan oleh orang bangsa Eropah (pelaut, pengembara, penjajah) yang sampai ke pulau-pulau Melayu semenjak kerajaan Melayu Melaka lebih 500 tahun dahulu, ditambah dengan kajian-kajian oleh sarjana-sarjana antarabangsa semenjak zaman penjajahan hingga ke hari ini, menggambarkan serta menemui bukti-bukti bahawa orang pribumi di pulau-pulau di Asia Tenggara memang sebenarnya satu keluarga bangsa hasil dari amalan dan proses merantau. Perantauan lah yang telah menjalin satu rangkaian yang menyerlahkan lalu memantapkan merantau sebagai satu institusi sosial.

Kita dapat jelaskan jalinan tanah air dengan merantau ini dengan secara khusus merujuk kepada satu memori kolektif yang wujud dalam jiwa Melayu dan beberapa sukunya di rantau ini, khususnya suku Minangkabau, etnik perantau yang khas, melembaga secara sosial (Hasanuddin, 2018: 16). Merantau merupakan satu proses permulaan seorang lelaki menuju kedewasaannya. Ini didorongi oleh pandangan positif terhadap wilayah rantau, yakni wilayah yang berada di luar ranah budayanya. Dan ruang itu, yang disebut sebagai Alam Minangkabau, “dipandang sebagai milik mereka.” Wilayah rantau dipandang sebagai “tempat mencari” baik ilmu dan harta, mahupun pengalaman hidup. Sejajar dengan itu, maka pola merantau mereka berciri sirkular. Tanah dan air berkesinambungan sebagai tempat mencari rezeki.

Ini boleh dibandingkan dengan orang-orang Jawa. Secara tradisionalnya, orang Jawa memandang wilayah di luar ranah budayanya itu secara negatif. Orang Jawa memiliki imej negatif ke atas ruang di luar daerah ranahnya. Menurut Hasanudin (2018), ranah budaya dalam kepercayaan orang Jawa terdiri dari empat kategori, yakni *nagara*, *nagara agung*, *manca nagara* dan *pasisir*. Ke empat kategori wilayah itu dianggap lebih halus dan sakral. Wilayah di luarnya, dipanggil wilayah sabrang, berada disebelah laut yang dianggap profan, kasar dan berbahaya. Menurut Mokhtar Naim (1984), oleh kerana itu, orang Jawa tidak memiliki tradisi mendorong merantau kendatipun keadaan dalam memaksa melakukan kegiatan merantau.

‘Berdagang’ yang merupakan akar budaya masyarakat Minangkabau, merupakan salah satu tonggak identiti suku tersebut. Dua lagi tonggak ialah merantau dan adat. Budaya dagang ini membawa alasan falsafah yang praktis. Secara falsafah, usaha dagangan ini berkait dengan nilai kebebasan dan kemandirian yang menurut orang-orang Minangkabau, sealiran dengan dasar persamaan dan demokrasi. Ia berlawanan dengan bertani, oleh kerana bertani dianggap diikat oleh nilai sosial dan spiritual, serta bersaing dengan masyarakat setempat. Ia juga bermaksud mengulangi kegiatan yang sama seperti di kampung yang membawa konotasi “tiada perubahan.” Berdagang, rangkaian perdagangan adalah *lingua franca* tanah air.

Dalam bukunya bertajuk *Wacana Etnik dalam Multikulturalisme Indonesia: Dinamisma Adaptif Diaspora Minangkabau di Bali* (2018), Hasanuddin membincangkan satu tema yang amat relevan kepada maksud esei ini. Katanya dorongan merantau pada mulanya bersumberkan dari sistem sosial matrilineal yang menempatkan lelaki pada tempat yang marginal, tetapi memiliki tanggungjawab berganda, baik terhadap keluarga matrilinealnya mahupun sekaligus terhadap

¹¹ Mohd. Aroff Ishak. 2021. Bangsa Melayu dan Alam Melayu: Laut dan Kelautan. Syarahan Tanah Air: The Malay Maritime Civilizational Project, International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University Malaysia, 25 August.

keluarga sebelah lelakinya. Oleh sebab itu, lelaki yang harus mandiri itu hendaklah merantau supaya proses anak lelaki menuju kepada kedewasaannya. Daya dorong itu terungkap pada pandangan positif terhadap wilayah rantau, yakni wilayah yang berada di luar ranah budayanya. Secara budayanya, wilayah tersebut dipandang sebagai milik mereka. Itulah yang dipercayai sebagai Alam Minangkabau. Wilayah rantau dipandang sebagai ‘tempat mencari’ baik ilmu dan harta, mahupun pengaalaman hidup (h. 16). Mokhtar Naim (1984) menyebut pola merantau ini sebagai satu kitaran.

Hasanudin membandingkan ini dengan perspektif orang-orang Jawa. Secara tradisinya, orang Jawa memandang wilayah di luar ranah budayanya itu secara negatif. Secara tradisionalnya, orang Jawa membahagikan daerah di luar ranah mereka kepada empat kategori; yakni nagara, nagara agung, manca nagara dan pesisir. Keempat wilayah rantau itu lebih halus dan sakral daripada wilayah diluarnya. Wilayah diluar itu disebut sebagai sabrang (seberang) – suatu yang berada diseberang lautan, dianggap sebagai nista, kasar dan berbahaya (ms 16).

Hal ini disamakan dengan masyarakat Bali tradisional. Jika orang Minangkabau dan Bugis, misalnya, menilai kejayaan sejauh mana mereka menjadi ‘penghuni’ di rantau, orang Bali takut berfikir dan meninggalkan tanah leluhur mereka. Orang Minangkabau merantau kerana dikatakan mereka ‘suka’ merantau dan dituntun oleh peradaban dagang. Ia membawa kepada harga diri. Sama juga dengan orang Bugis – dikatakan sebagai diacuankan dalam peradaban maritim, “yang menentang ganas samudera.” (h.17). Ini pula berbeza dengan orang Bali yang kerap menganggap sebagai ‘musibah.’ Secara kolektifnya, orang Bali tidak memiliki semangat dan budaya merantau. Etos dan budaya Bali bukanlah etos merantau.

Namun begitu, sama juga dengan orang Jawa dan Bali, rantau bagi orang Minangkabau juga digambarkan sebagai ‘dunia asing’ yang penuh misteri; keras dan penuh penentangan dan cabaran, seperti pepatah: *lauik sati rantau batuah, yakni laut sakti rantau bertuah*. Maksudnya di sini, selain dari keperluan pada kegigihan, perlu juga arif dan bijak, rendah diri dan memiliki kemampuan adaptif-akomodatif. Terdapat tuntutan secara budayanya, yakni, orang Minangkabau mesti arif dan halus dari segi tujuannya. Falsafah yang dalam ini dipaparkan melalui prinsip etik dan etos oleh ibu atau mamaknya (bapa menakan/atau kerabat secara umum). Ini dicerminkan seperti berikut:

Kalau anak pai ke lapau
Iyu bali balanak bali
Ikan panjang bali dauu
Masuak-an dalam karanjang
Nak sanang ibu memasak
Kalau anak pai marantau
Induak cari sanak pun cari
Induak samang cari dauu
Tapatan dagang di rantau urang
Nak tampak alam bakeh tagak
[Kalau anak pergi ke lepau
Yu beli belanak beli
Ikan panjang beli dahulu
Masukkan dalam karanjang
Supaya senang ibu memasak
Kalau anak pergi merantau

Ibu cari sanak pun cari
Induk semang cari dahulu
Tepatan dagang dirantau orang
Supaya tampak alam tempat tegak
(Hasanudin, .2018: ms 112).

Hasanudin menjelaskan bahawa yang pertama ditanamkan kepada perantau ialah *ibu*. Ibu bermakna seseorang yang melahirkan kita, yang paling dekat secara struktural, sosial, bahkan emosional dan spiritual. Ibu lah yang menjadi pusat jaringan sanak atau kerabat, orang yang setali darah dan sekuturunan, seperti dalam ungkapan Minangkabau – *ninik, mamak, sudaro, kemenakan*. Jadi dalam ungkapan “ibu ditinggal-ibu dicari” dapat kita tafsirkan sebagai satu sifat emosional yang mendalam, satu peraturan dasar, satu kewatanan jika dilihat secara kolektif. Ibu adalah induk, satu interaksi domain-domain ketara dan tidak ketara. Dan interaksi ini ditanamkan kepada seorang yang pergi merantau demi kekerabatan dengan masyarakat setempat (h. 113).

Dalam kajian Hasanudin, orang Minangkabau di Bali dianggap sebagai antagonis, yakni ‘pendatang,’ walaupun secara budaya orang Minangkabau memandang positif terhadap Bali sebagai wilayah rantau mereka. Dan ini mempengaruhi bagaimana cara mereka menempatkan diri, berinteraksi, melakar ekspresi, serta mengelola identiti.

Dinamika seperti ini berupaya mengandaikan satu teori mengenai merantau jika diluaskan kepada amalan, budaya dan memori kolektif identiti Melayu yang lain di Kepulauan Melayu. Ia dapat dijadikan ‘ramuan’ dalam mengangkat ‘rantau’ dan ‘perantauan’ serta kesedaran tanah air sebagai satu kategori sosial dalam korpus sains sosial. Hal ini unik kepada alam/Kepulauan Melayu. Walaupun ‘rantau’ dan ‘perantauan’ adalah satu institusi yang akrab dengan tanah air, namun ia dapat diangkat sebagai satu kategori dan konsep dalam gagasan disiplin tersebut. Ciri-ciri rantau ini dapat diglobalkan sebagai satu tema ilmu sosial.

AKIHRULKALAM

Tanah Air bukan hanya satu idea dan konsep, tetapi satu budaya, amalan dan kesedaran dalam jiwa Melayu. Ia memaparkan jalinan tanah dan air yang telah dipisahkan oleh kuasa sejarah moden. Tanah Air dapat menjawab dakwaan dan tuduhan yang memperlekehkan sejarah rumpun Melayu, yang menafikan wujudnya peradaban Melayu di dunia ini. Dalam beberapa dekad kebelakangan, naratif negara telah menghadapi cabaran menafikan identiti Melayu. Jika kita menjawab dengan menggunakan ukuran tradisi dan budaya tanah dan daratan, dan jika kita terus berwacana dan membentuk keserjanaan berdasarkan kepada pengukuran tersebut, kita tidak dapat menjawab dan menangani persoalan sebegitu.

Jawapannya terletak kepada takungan kewujudan peradaban dan persekitaran yang membentuknya. Perspektif Ibn Khaldun mengenai peradaban Arab adalah tepat dengan berlandaskannya pada padang pasir. Tetapi padang pasir bukanlah persekitaran rumpun Melayu. Persekitaran rumpun Melayu ialah hutan khatulistiwa tropika, panas dan lembab, dan subur tanpa ekstrimisme dalam iklim dan cuaca. Iklim padang pasir, yang kering itu dicorak oleh iklim yang ekstrim. Serta cuaca yang mencabar diri dan manusia. Dengan menggunakan analogi Mediterranean yang diutarakan oleh Braudel, Keadaan persekitaran lebih kurang sama dengan persikitaran Laut Mediterranean, jika kita menggunakan analogi Braudel itu. Tetapi terdapat beberapa perbezaan dari segi petempatan manusia dan asas kuasa. Ibn Khaldun tidak menyentuh

kerangka Mediterranean walaupun kawasan yang beliau menghuni dan menjelajah itu bersempadanan dengan laut Mediterranean.

Namun iktibar dari Ibn Khaldun itu amat berguna, yakni persekitaran yang membentuk peradaban. Padang pasir dan tanah air merupakan dua persekitaran yang berbeza – satu kering kontang dan gersang; dan satu lagi, subur dan lembab. Faktor kitaran dari segi amalan dan budaya juga menunjukkan bagaimana it ditentukan oleh persekitaran. Kepintaran dan tingkah laku manusia Melayu lahir dari Tanah Air. Inilah tradisi yang menyusun atur ritma kehidupan.

Tanah Air telah membekalkan pengalaman kolektif kepada rumpun Melayu. Persekitan Tanah Air mencorak kehidupan harmoni antara manusia rumpun Melayu dengan alam. Dari satu segi, manusia rumpun Melayu, dalam kesedaran Tanah Air, adalah anak kepada adat dan budaya – “Biar mati anak, bukan mati adat” dapat dilihat dari sudut ini.

Peradaban tanah air adalah terbuka. Sesiapa saja boleh berlabuh dan berdagang. Sesiapa saja dapat berinteraksi, menetap, dan menghuni di pelabuhan dan ruang-ruang pesisir. Pertumbuhan adab sosial, dan peraturan kehidupan dan kelautan adalah hasil dari pertembungan secara aman dari laut ke darat dan sebaliknya. Walaupun kita dapat lihat bahawa Eropah moden sebagai kuasa maritim, rantau tanah air tidak pernah menjadi kuasa maritim. Rantau tanah air berlegar dalam alamnya sendiri yang tidak berbentuk agresif dan ‘expansionist.’ Walaupun dalam sejarah terjadi pertempuran di kalangan suku rumpun Melayu; dan antara suku rumpun Melayu dengan kuasa Barat yang berlaku di laut, peradaban tanah air bukanlah bersifat imperialistik. Kelembutan budaya melalui penulisan, bahasa, pepatah petitih, seni persembahan serta percambahan kegiatan kecendaiakaan dicorak oleh tanah air. Pusat-pusat kecendaiakaan Melayu semuanya berinteraksi dengan tanah dan air –Deli, Kota Bharu, Palembang, Pulau Pinang, Pulau Penyengat, Aceh dan Singapura. Di sinilah tercetusnya zaman Pencerahan Melayu. Tanah dan Air berpisah tiada.

RUJUKAN

- Acharya, Amitav. 2012. *The Making of Southeast Asia: International Relations of a Region*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Ahmad Murad Merican. 2015. *Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, Leonard. 2008. *Leaves of the Same Tree: Trade and Ethnicity in the Straits of Melaka*. Honolulu: Universiti of Hawaii Press.
- Andaya, Leonard Y. 2021. *Tanah Air and Negara Selat: Reconfiguring Ocean Space and the Linked History of Malays and the Orang Selat dalam Danny Wong Tze Ken dan Lee Kam Heng, ed. Wang Gungwu and Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
- Azizan Baharuddin, et al., ed. 2009. *Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Bowring, Philip. 2019. *Empire of the Winds: The Global Role of Asia's Great Archipelago*. London: I.B.Tauris
- Braginsky, Vladimir. 1975. Some remarks on the Structure of the ‘Syair Perahu’ by Hamzah Fansuri.’ *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 131: 407-26.

- Braginsky, Vladimir. 2004. *The Heritage of Traditional Malay Literature: A Historical Survey of Genres, writings and Literary Views*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Braudel, Fernand. 1995. *A History of Civilizations*. Hudson Street: Penguin Books.
- Coedes, George. 1964. Some Problems in the Ancient History of the Hinduized States of South East Asia. *Journal of Southeast Asian History* 5: 1-14.
- Coedès, George. 1968. *The Indianized States of Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawaii Press, 1968.
- Farish Noor. 2021. When Tanah was Divorced from Air: The Loss of Maritime Sovereignty in Southeast Asia as a Result of European Expansionism in the 19th century. Syarahan Tanah Air: The Malay Maritime Civilizational Project, International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University Malaysia, 29 December.
- Haslinda Hj Abdullah dan Zaid Ahmad. 2009. Pengaruh Iklim Terhadap Sifat Manusia: Suatu Catatan dari Muqaddimah Ibn Khaldun, dalam Azizan Baharuddin, dll. ed. 2009. *Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, 357-364.
- Hasanuddin. 2018. *Wacana Etnik dalam Multikulturalisme Indonesia: Dinamika Adaptif Diaspora Minangkabau di Bali*. Padang: Penerbit Erka,
- Irwin, Robert. 2018. *Ibn Khaldun: An Intellectual Biography*. Princeton and Oxford: Princeton University Press.
- Mohd. Aroff Ishak. 2021. Bangsa Melayu dan Alam Melayu: Laut dan Kelautan. Syarahan Tanah Air: The Malay Maritime Civilizational Project, International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University Malaysia, 25 August.
- Mohd Supian Sabtu 2002. *Tamadun Asal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar Naim. 2013. *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Edisi 3. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Mokhtar Naim. 1984. *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mokhtar Saidin (2011). *Dari Zaman Batu ke Tamadun Awal di Malaysia: Pemeriksaan Jati Diri Bangsa*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun, Suresh Narayanan (2024). *Kedah Tua: Sejarah, Arkeologi & Naratif Baharu*. Pulau Pinang: USM Press.
- Ooi Kee Beng. 2015. *The Eurasian Core and its Edges: Dialogues with Wang Gungwu on the History of the World*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Pišev, Marko. 2019. "Anthropological Aspects of Ibn Khaldun's *Muqaddimah*: A Critical Examination", dalam *Bérose - Encyclopédie internationale des histoires de l'anthropologie*, Paris.
- Reid, Anthony. 1988. *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450 – 1680: Volume One: The Lands Below the Winds*. New Haven, CT: Yale University Press.

Ahmad Murad Mohd Noor Merican
Professor of Social and Intellectual History,
International Institute of Islamic Thought and Civilization,
International Islamic University Malaysia (ISTAC-IIUM)
Email: muradmerican@gmail.com